

PENGARUH DIMENSI MASA DAN DIMENSI TEMPAT DALAM MEMAHAMI HADIS NABI S.A.W. : ANALISIS HADIS-HADIS PILIHAN

IRUWAN BIN IDRIS

iruwan@ptsb.edu.my

ABDUL SAMAD BIN MAT@ ISA

samad@ptsb.edu.my

SITI AISHAH BINTI OTHMAN

sitiaishah@ptsb.edu.my

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

ABSTRAK

Kajian ini merupakan penelitian terhadap pengaruh Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam memahami hadis Nabi s.a.w.. Kajian ini berkait dengan dua pendekatan yang digunakan dalam memahami hadis iaitu pendekatan tekstual dan pendekatan kontekstual yang menegaskan bahawa untuk memahami hadis dengan tepat, beberapa perkara perlu diperhatikan antaranya ialah sabab al-Wurud. Terdapat empat dimensi yang memainkan pengaruh yang besar kepada sabab wurud al-Hadith iaitu Dimensi al-Mukhatibi, Dimensi al-Mukhatabi, Dimensi Masa, Dimensi tempat. Kajian ini adalah penting kerana, pertama, telah berlaku kekeliruan sesetengah pihak dalam mengambil pendekatan samada secara tekstual atau kontekstual ketika memahami hadis. Kekeliruan ini kerana kurangnya perhatian kepada unsur-unsur yang mempengaruhi hadis antaranya *al-'ilah* dan *al-Maqasid*, *sabab al-Wurud* meliputi Dimensi Masa dan Dimensi Tempat di samping faktor yang lain. Kedua, kurangnya perhatian terhadap peranan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam memahami hadis oleh golongan yang hanya mengambil pendekatan tekstual ketika memahami hadis. Ketiga, berlebihan dalam menggunakan pendekatan kontekstual ketika memahami hadis sehingga kepada menafikan status kesahihan hadis. Sehubungan itu, kajian ini akan memperkenalkan, pertama, konsep Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam memahami hadis, kedua, Jenis-jenis hadis yang terkesan dan yang tidak terkesan dengan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat, ketiga, contoh analisis Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam memahami hadis berdasarkan 13 hadis pilihan. Analisis ini melibatkan tiga perkara utama iaitu Status hadis, keberadaan hadis di dalam Kitab Hadis dan pandangan para ulama terhadap keberadaan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat di dalam hadis. Hasilnya, dalam memahami hadis, terdapat dua bentuk hadis iaitu pertama, al-Thawabit yang mana ia tidak dipengaruhi oleh Dimensi Masa mahupun Dimensi Tempat dan ia mesti difahami melalui pendekatan tekstual. Kedua, al-Mutaghayyirat yang mana ia dipengaruhi oleh Dimensi Masa atau Dimensi Tempat atau kedua-duanya dan ia mesti difahami melalui pendekatan kontekstual.

Kata Kunci: Pendekatan Tekstual dan Kontekstual, Dimensi Masa dan Dimensi Tempat

1. Pendahuluan

Hadis adalah sumber hukum Islam yang lengkap dan sempurna. Sifat lengkap dan sempurna itu sesuai dengan fungsinya sebagai sumber yang kekal dan sesuai sepanjang zaman (al-Quran, al-Isra' : 105). Sifat kekal ini telah menyebabkan perlunya satu interaksi yang segar dan sesuai antara seorang Muslim dengan hadis Nabi s.a.w. walaupun hadis itu telah disabdakan ribuan tahun dahulu. Dalam usaha untuk memahami kesesuaian dan kefahaman yang baik, para ilmuan Islam menggariskan dua pendekatan yang boleh digunakan untuk memahami hadis. Pendekatan itu ialah Pendekatan Tekstual dan Kontekstual. Kedua-dua pendekatan ini telah memainkan peranannya dalam menjaga kefahaman yang benar dalam menerapkan hukum Islam (Lilieek Channa, 2011).

2. Permasalahan Kajian

Syariat Islam adalah bersifat lengkap, universal, memenuhi realiti zaman mahupun tempat. Oleh kerana itulah Islam sesuai sepanjang zaman. Kesesuaian ini kerana sifat sumber hukumnya iaitu al-Quran dan al-Hadis adalah bersifat sempurna, menyeluruh dan realiti. Dalam memenuhi kehendak sifat menyeluruh dan realiti ini, dua pendekatan telah diambil oleh ilmuan Islam terutamanya ketika berinteraksi dengan hadis iaitu Pendekatan Tekstual dan Kontekstual. Pendekatan pertama penting kerana asal kepada kefahaman adalah secara tekstual. Manakala, pendekatan kedua pula penting jika ada sebab dan dalil yang jelas bahawa tidak mungkin boleh diamalkan kefahaman itu melainkan dengan kefahaman secara Kontekstual. Namun, di sebalik kesempurnaan ini, masih wujudnya pihak yang menolak kehujahan hadis secara total seperti golongan anti hadis kerana menganggap hadis adalah urusan peribadi Nabi s.a.w. yang hanya sesuai dengan zaman dan tempat wujudnya Nabi s.a.w. sahaja iaitu Mekah dan Madinah (Hafiz Firdaus, 2002).

Selain penolakan hadis, bahkan wujud percanggahan pendapat di kalangan mereka yang menerima kehujahan hadis. Golongan ini pula ketika memahami hadis terpecah kepada beberapa pendapat. Pertama, golongan yang sangat terikat dengan zahir teks sehingga tidak memahaminya melainkan secara tekstual sahaja. Kedua, golongan yang menafikan kesahihan hadis semata-mata kerana maknanya tidak boleh diamal atau diterapkan dalam realiti semasa (Faisal, 2011). Ketiga, golongan yang terlalu bebas dan melakukan takwil secara salah dalam memahami makna hadis (Faisal & Jawiah, 2011).

Selain faktor kewujudan golongan yang menolak kehujahan hadis dan golongan yang berbeza pendapat dalam pendekatan untuk memahami hadis, kajian ini juga penting kerana tidak banyak kajian terkini yang menumpukan kepada pengaruh Dimensi Masa dan Dimensi Tempat terhadap pemahaman hadis. Berdasarkan tinjauan penulis, ada dua karya terkini yang menyebut secara jelas istilah, konsep dan peranan kedua-dua Dimensi ini terhadap pemahaman hadis. Pertama, *Sabab Wurud al-Hadis : Dawabit wa Ma'ayir* karangan Muhammad Asri Zainul Abidin, terbitan tahun 2005, kedua, *'Ulum al-Hadith : Asiluha wa Ma'asiruha* karangan Muhammad Abu al-Layth terbitan tahun 2011. Manakala artikel yang membincangkan *sabab wurud al-Hadith*, pendekatan kontekstual-tekstual dalam memahami hadis sangat banyak, tetapi tidak semua secara jelas mengaitkan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam pemahaman hadis. Antaranya ialah, pertama, Pendekatan Tektual Dalam Memahami Hadith Nabi s.a.w. : Satu Analisis oleh Faisal Ahmad Shah dan Jawiah Dakir, kedua, Memahami Makna Hadis secara tekstual dan Kontekstual oleh Liliek Channa AW, ketiga, Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-hadith Rasulullah s.a.w.. oleh Faisal Ahmad Shah. Ketiga-tiga tulisan yang ditulis pada tahun 2011 ini

hanya menjelaskan perlunya mengambil pendekatan yang betul ketika memahami hadis Nabi s.a.w. tanpa memperincikan perkaitan dengan Dimensi Masa mahupun Dimensi Tempat.

Susulan itu, dalam memberikan jawapan yang berkesan kepada semua permasalahan ini, maka kajian ini akan menjelaskan beberapa persoalan kajian iaitu pertama, apakah Konsep Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam memahami hadis Nabi s.a.w.?, kedua, apakah jenis-jenis hadis yang terkesan dan tidak terkesan dengan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat?, ketiga, apakah contoh analisis Dimensi Masa dan Dimensi Tempat yang wujud dalam memahami hadis?

3. Perbahasan Kajian :

1.1 Konsep Dimensi Masa dan Dimensi Tempat :

Dimensi Masa dan Dimensi Tempat adalah sebahagian daripada proses untuk memahami *Sabab wurud al-Hadith* yang diertikan sebagai apa-apa yang menyebabkan datangnya hadis dengan sebabnya yang meliputinya atau jawapan kepadanya atau penerang kepada hukumnya semasa berlakunya sesuatu hadis (Muhammad Abu al-Layth, 2011). Ia dipengaruhi oleh empat dimensi iaitu pertama, pemilik hadis (*al-Bu'd al-Mukhatibi*) iaitu Nabi s.a.w, kedua, Individu sasaran sesuatu hadis (*al-Bu'd al-Mukhatibi*), ketiga, Masa (*al-Bu'd al-Zamani*) dan keempat, Tempat (*al-Bu'd al-Makani*) (Muhammad Asri, 2005).

Dimensi Masa yang dimaksudkan disini ialah perubahan masa dan zaman manusia dan keadaan mereka yang berinteraksi dengan Nabi s.a.w. sepanjang waktu kenabian yang memakan masa 23 tahun (Muhammad Abu al-Layth, 2011). Ini bermakna, apa sahaja yang berlaku sebelum kenabian tidak diambil kira. Takrifan lain ialah keadaan zaman yang menyebabkan terjadinya sesuatu hadis ketika itu yang meliputi keadaan manusia, persekitaran mereka dan keadaan mereka (Muhammad Asri, 2005).

Dimensi Tempat pula ialah suasana Tanah Arab dan keadaan mereka meliputi persekitaran, iklim, adat, ikutan yang berinteraksi dengan Nabi s.a.w. sepanjang waktu kenabian yang memakan masa 23 tahun (Muhammad Abu al-Layth, 2011). Takrifan lain ialah keadaan tempat yang menyebabkan terjadinya sesuatu hadis ketika itu seperti keadaan tempat, persekitaran, cuaca dan sesuatu yang berada di sekitarnya (Muhammad Asri, 2005).

Kesimpulannya, Dimensi Masa ialah suatu keadaan yang mempengaruhi hadis samada sifat, amalan, keadaan kemanusiaan dan lain-lain yang berkait dengan zaman ketika terjadinya hadis Nabi s.a.w. Manakala, Dimensi Tempat ialah suatu keadaan yang mempengaruhi hadis yang melibatkan keadaan tempat, persekitaran dan semua perkara yang berkait dengan geografi terjadinya hadis Nabi s.a.w.. Walaupun kedua-dua dimensi ini diberikan definisi secara berasingan bahkan lihat secara berbeza tetapi secara hakikatnya ia saling berkait dan saling mempengaruhi antara yang lain.

Selain itu, keberadaan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat di dalam sesuatu hadis boleh di ketahui melalui enam gambaran iaitu pertama, soalan daripada para Sahabat r.a.hum. Kedua, realiti atau peristiwa yang berlaku semasa zaman nabi. Ketiga, tindak balas terhadap peristiwa yang berlaku. Keempat, tabiat dan sifat kemanusiaan Nabi s.a.w.. Kelima, perbuatan spontan Nabi semasa berlaku sesuatu peristiwa. Keenam, penerangan Nabi bila turunnya al-Quran (Muhammad Asri, 2005). Selain itu, menurut Munawir keberadaan dan pengaruh Dimensi Masa dan Dimensi

Tempat kepada hadis boleh difahami melalui *Sabab al-Wurud al-'Ammah* iaitu kajian tentang keadaan dan situasi sosio budaya dan sejarah di mana dan bila hadis itu berlaku (Munawir, 2013).

1.2 Jenis-jenis hadis yang terkesan dan tidak terkesan dengan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat :

Dalam membahagikan jenis-jenis hadis berdasarkan kesesuaian makna dengan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat, ada dua pendekatan yang boleh dijadikan kayu ukur iaitu pendekatan tekstual dan pendekatan kontekstual.

Berkaitan ini, hadis yang bersifat *al-Thawabit* iaitu hadis yang tidak berubah cara perlaksanaannya sekalipun telah berubah zaman dan tempat mesti difahami secara tekstual (Faisal, 2011). Selanjutnya, menurut Faisal, ada empat bentuk hadis yang mesti difahami secara tekstual iaitu pertama, hadis yang maksud literalnya disokong oleh al-Quran dan hadis serta tiada kekeliruan sehingga perlu difahami secara kontekstual, kedua, hadis berkaitan alam ghaib, ketiga, hadis *al-Mutasyabihat*, dan keempat, hadis berkaitan sains. Bahkan beliau menambah lagi, ada tiga ciri hadis yang tidak sesuai untuk difahami secara tekstual iaitu, pertama, hadis yang memiliki makna kiasan, kedua, hadis yang jika difahami secara tekstual akan bertentangan dengan ayat al-Quran dan ketiga, hadis yang tidak mempunyai sokongan jika difahami secara tekstual (Faisal, 2011).

Manakala Abu al-Layth pula, menyenaraikan enam perkara yang tidak akan berubah dengan perubahan masa dan tempat iaitu pertama, teras akidah seperti kewajiban beriman kepada Allah, kedua, teras Ibadah seperti kewajiban solat, ketiga, asas-asas umum perundangan Islam seperti halal jual beli, keempat, konsep umum akhlak dan jati diri seperti kemuliaan amanah, kelima, sunnatullah seperti terbenam matahari, keenam, ketetapan khas untuk Nabi s.a.w. seperti kewajiban dhuha (Muhammad Abu al-Layth, 2011).

Manakala hadis yang bersifat *al-Mutaghayyirat* iaitu hadis yang mungkin boleh berubah cara perlaksanaannya dengan berubahnya masa dan tempat boleh difahami secara kontekstual (Faisal, 2011). Perubahan hukum kepada perkara *al-Mutaghayyirat* adalah disebabkan oleh perubahan illah dan sebab. Perubahan illah dan sebab ini dipengaruhi perubahan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat yang meliputi *al-Rukhsah* (keringanan dan pengecualian), darurat, maslahat semasa dan kepentingan umum, *al-'Urf* (adat masyarakat) dan apa-apa yang berlaku pada zaman Nabi s.a.w. (Faisal, 2011).

Ini bermakna, secara ringkasnya, hadis terbahagi kepada dua jenis iaitu pertama, hadis yang pada amalan dan hukumnya adalah bersifat kekal sehingga kiamat kerana tidak terkesan dengan perubahan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat, kedua, hadis yang berubah amalan dan hukumnya kerana wujud perubahan pada Dimensi Masa dan Dimensi Tempat.

4. Contoh Analisis Hadis Pilihan :

- 4.1 Hadis 1 : “Telah menceritakan kepada kami Harun bin Ma'ruf telah mengkhabarkan kepada kami Ibnu Wahb telah mengkhabarkan kepadaku Amru bin al-Harits dari Abu Ali Thumamah bin Syufayi bahawa dia mendengar 'Uqbah bin 'Amir berkata : "Saya pernah mendengar Rasulullah ﷺ menyampaikan ketika Baginda s.a.w. di atas mimbar: '(Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka (musuh) kekuatan apa saja yang kamu sanggupi) :

(QS. Al-Anfal: 60), ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu adalah melempar, ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu adalah melempar, ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu adalah melempar".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam bab : Keutamaan Melempar di Jalan Allah, Ibn Majah pula tetapi dengan sanad yang lain dalam bab : Memanah di Jalan Allah. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini menyebutkan bahawa kekuatan itu ialah dengan melempar sebagai satu respon dan arahan kepada para sahabat susulan perintah Allah supaya melakukan persiapan untuk menghadapi musuh. Dimensi Masa di dalam hadis ini dapat difahami apabila Nabi s.a.w. memberikan penerangan kepada ayat al-Quran yang dibaca dengan memilih peralatan sezamannya untuk menghadapi musuh iaitu panah, lembing dan sebagainya yang dinamakan *al-Ramyu*. Sedangkan, umum mengetahui bahawa bukanlah dimaksudkan kekuatan itu hanya memanah dan lembing semata-mata melainkan ia hanyalah satu pilihan sesuai dengan zaman Nabi s.a.w. (Muhammad Asri, 2005). Oleh itu, susulan respon terhadap ayat al-Quran oleh Nabi s.a.w yang sememangnya terdapat di dalam teks hadis, maka boleh difahami bahawa Dimensi Masa diperlukan ketika berinteraksi dengan hadis ini.

- 4.2 Hadis 2 : “Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Bukair telah menceritakan kepada kami al-Laith dari 'Uqail dari Ibnu Syihab telah mengkhabarkan kepada saya 'Urwah bahawa 'Aisyah radhiallahu'anha mengkhabarkannya bahawa Rasulullah ﷺ pada suatu malam keluar kamar di tengah malam untuk melaksanakan solat di masjid. Maka orang-orang kemudian ikut solat mengikuti solat Baginda s.a.w.. Pada waktu paginya orang-orang membicarakan kejadian tersebut sehingga pada malam berikutnya orang-orang yang berkumpul bertambah banyak lalu ikut solat dengan Baginda s.a.w.. Pada waktu paginya orang-orang kembali membicarakan kejadian tersebut. Kemudian pada malam yang ketiga orang-orang yang hadir di masjid semakin bertambah banyak lagi lalu Rasulullah ﷺ keluar untuk solat dan mereka ikut solat bersama Baginda s.a.w.. Kemudian pada malam yang keempat, masjid sudah penuh dengan jamaah hingga akhirnya Baginda s.a.w. keluar hanya untuk solat Subuh. Setelah Baginda s.a.w. selesai solat Fajar, beliau menghadap kepada orang ramai kemudian Baginda s.a.w. membaca syahadah lalu bersabda, : "Amma ba'd, sesungguhnya aku bukannya tidak tahu keberadaan kalian (semalam). Akan tetapi aku takut nanti menjadi diwajibkan atas kalian sehingga kalian menjadi keberatan kerananya". Kemudian setelah Rasulullah ﷺ meninggal dunia, tradisi solat (terawih) secara berjemaah terus berlangsung seperti itu”.

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Keutamaan Orang Yang Menegakkan Ramadan, Muslim pula tetapi dengan sanad yang lain dalam bab : Anjuran Untuk Solat Terawih. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini secara kesimpulannya menceritakan bahawa Nabi telah solat secara berjemaah bersama para sahabat selama tiga malam berturut-turut di bulan ramadan. Namun telah meninggalkan solat berjemaah di malam keempat. Jawapan yang paling tepat untuk memahami sebab Nabi s.a.w. meninggalkan solat sunat secara berjemaah disini ialah keterangan langsung daripada Nabi s.a.w. sendiri iaitu “*sesungguhnya*

aku bukannya tidak tahu keberadaan kalian (semalam). Akan tetapi aku takut nanti menjadi diwajibkan atas kalian sehingga kalian menjadi keberatan kerananya". Pengkaji melihat Dimensi Masa iaitu zaman wahyu masih turun yang memungkinkan amalan itu diwajibkan adalah faktor utama tindakan Nabi s.a.w. tidak meneruskan solat berjemaah pada malam keempat. Ini disokong oleh keterangan tambahan daripada 'Aisyah sendiri iaitu "setelah Rasulullah s.a.w. meninggal dunia, tradisi solat (terawih) secara berjemaah terus berlangsung seperti itu".

- 4.3 Hadis 3 : "Telah menceritakan kepada kami Uthman bin Abu Syaibah, dan Abdullah bin Sa'id, mereka berkata ; telah menceritakan kepada kami Abu Khalid Sulaiman bin Hayyan dari Ibnu 'Ajlun, dari 'Amr bin Syu'aib dari ayahnya, dari datuknya, dari Nabi ﷺ, beliau bersabda : "Apabila salah seorang diantara kalian menikah atau membeli budak maka hendaknya ia mengucapkan ; (Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebbaikannya dan kebaikan sesuatu yang Engkau ciptakan dia padanya, dan aku berlindung kepada-Mu dari keburukannya dan keburukan sesuatu yang Engkau ciptakan dia padanya). Dan apabila ia membeli unta maka hendaknya ia memegang bonggol belakangnya dan mengucapkan seperti itu!". Abu Daud berkata ; Abu Sa'id menambahkan ; kemudian hendaknya ia memegang ubun-ubunya dan berdoa untuk mendapatkan berkat pada wanita dan budak".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam bab : Orang yang bersetubuh, Ibn Majah pula tetapi dengan sanad yang lain dalam bab : Apa yang diucap oleh seorang lelaki jika isterinya masuk menemuinya. Hadis ini berstatus Hasan. Berdasarkan zahir teks hadis ini, Nabi s.a.w. memerintahkan para Sahabat r.a.hum supaya berdoa memohon kebaikan dan menjauhi keburukan ketika menikah atau membeli hamba atau membeli unta. Susulan itu, bagaimana pula dengan zaman sekarang sedangkan membeli hamba tidak lagi dibenarkan. Bagaimana pula dengan pembelian barangan atau kenderaan lain seperti rumah atau kereta, adakah dibolehkan untuk berdoa dengan doa seperti hadis ini?. Pengkaji melihat disini Dimensi Masa perlu diambil kira kerana saranan Nabi s.a.w. ini terutamanya berkait dengan doa ketika membeli hamba khususnya adalah sangat jelas terikat dengan realiti zamannya iaitu kebenaran membeli dan memiliki hamba. Perkara ini dipersetujui oleh Muhammad Asri bahkan beliau turut memetik pendapat al-Albani yang menyatakan bahawa disyariatkan juga berdoa dengan doa seperti hadis ini ketika membeli kereta (Muhammad Asri, 2005).

- 4.4 Hadis 4 : "Telah menceritakan kepada kami Musaddad, telah menceritakan kepada kami Sufyan dari 'Ubaidullah bin Abu Yazid, dari ayahnya dari Siba' bin Thabit, dari Ummu Kurz, ia berkata; saya mendengar Nabi ﷺ berkata, "Biarkan burung berada pada tempatnya!". Aisyah berkata ; dan saya mendengar beliau berkata : "Untuk anak laki-laki dua kambing yang sama dan untuk anak perempuan satu kambing tidak bermasalah bagi kalian apakah jantan atau betina".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam bab : Akikah. Hadis ini berstatus Sahih. Berdasarkan zahir teks hadis ini, Nabi s.a.w. memerintahkan para Sahabat r.a.hum supaya membiarkan burung tetap berada disangkarnya. Maka, timbul persoalan adakah benar-benar

diperintahkan untuk mengurung burung-burung di sangkarnya atau ia ada maksud dan tujuan tersirat di sebalik suruhan ini. Berkaitan hal ini, Muhammad Asri (2015) menegaskan bahawa hadis ini adalah respon dan larangan khusus untuk membatalkan tradisi orang arab jahiliyah. Pendapat ini bersesuaian dengan kaedah ketiga dalam mengenali *sabab wurud al-hadith* iaitu tindak balas terhadap peristiwa yang berlaku semasa zaman Nabi s.a.w.. Kesimpulannya, pengkaji berpandangan pemahaman hadis ini perlukan penilaian Dimensi Masa yang tersirat bukan hanya terhad kepada maksud zahir sahaja.

- 4.5 Hadis 5 : “Telah bercerita kepada kami 'Amru bin 'Ali telah bercerita kepada kami Yahya bin Sa'id telah bercerita kepada kami Sufyan berkata telah bercerita kepadaku Manshur dari Mujahid dari Thowus dari Ibnu 'Abbas radhiallahu'anhuma bahawa Nabi ﷺ bersabda pada hari penaklukan kota Makkah : "Tidak ada lagi hijrah setelah kemenangan (Mekah) akan tetapi yang tetap ada adalah jihad dan niat. Maka jika kalian diperintahkan berangkat berjihad, berangkatlah".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Wajibnya berangkat perang, dan kewajiban jihad dan niat. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini menceritakan Nabi s.a.w. menyatakan bahawa tiada lagi Hijrah selepas pembukaan Kota Mekah. Maka, timbul persoalan adakah perintah dan larangan ini kekal bermula zaman pembukaan Kota Mekah sehingga zaman sekarang atau ia ditujukan khas kepada pendudukan Mekah pada waktu itu sahaja?. Berkaitan hal ini, Muhammad Asri (2005) menegaskan bahawa hadis ini adalah khusus untuk penduduk Mekah dan mereka yang berada dalam keadaan mereka iaitu sesiapa yang negaranya yang asal kafir telah berubah menjadi negara Islam. Pendapat ini diperkukuhkan lagi oleh perawi yang jelas menegaskan bahawa sabdaan Nabi s.a.w. ini berlaku ketika peristiwa pembukaan Kota Mekah. Kesimpulannya, pemahaman hadis ini perlukan penilaian Dimensi Tempat yang menjadi sebab kepada sabdaan Nabi s.a.w..

- 4.6 Hadis 6 : “ Telah menceritakan kepada kami Uthman bin Haitham, telah menceritakan kepada kami Auf dari al-Hasan dari Abu Bakrah dia berkata; Sungguh Allah telah memberikan manfaat kepadaku dengan suatu kalimat yang pernah aku dengar dari Rasulullah s.a.w - yaitu pada waktu perang Jamal tatkala aku hampir bergabung dengan para penunggang unta lalu aku ingin berperang bersama mereka - Dia berkata ; Tatkala sampai kepada Rasulullah ﷺ, bahawa penduduk Parsi telah dipimpin oleh seorang anak perempuan puteri raja Kisra, Baginda s.a.w. bersabda : "Suatu kaum tidak akan berjaya, jika dipimpin oleh seorang wanita."

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Surat Nabi s.a.w. kepada Kisra dan Kaisar, juga al-Nasai dalam bab : Larangan mengangkat wanita untuk memutuskan. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini menceritakan Nabi s.a.w. menyatakan bahawa sesuatu kaum tidak akan berjaya, jika dipimpin oleh seorang wanita. Maka, timbul persoalan adakah kenyataan ini bersifat mutlak tanpa pengecualian atau bagaimana?. Para ulama berbeza pendapat dalam memahami hadis ini, jumbuh menganggap hadis ini bersifat mutlak dan kekal atau *al-Thawabit* (Faisal, 2011). Sebahagian yang lain berpendapat hadis ini adalah

hadis yang boleh difahami secara kontekstual yang dipengaruhi oleh faktor sosio budaya ketika itu khususnya di Parsi (Munawir, 2013). Pengkaji cenderung kepada pendapat yang mengatakan hadis ini dipengaruhi Dimensi Masa dan Dimensi Tempat kerana pada asasnya, hadis ini adalah respon kepada pengkhayaban yang disampaikan kepada Baginda Nabi s.a.w. tentang perantikan Puteri Raja untuk memimpin kerajaan Parsi sebagaimana yang diceritakan oleh perawi.

- 4.7 Hadis 7 : “Telah menceritakan kepada kami Adam berkata, telah menceritakan kepada kami Ibnu Abu Dzi'b berkata, telah menceritakan kepada kami al-Zuhri dari 'Atha' bin Yazid al-Laithi dari Abu Ayyub al-Anshari berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda : "Jika salah seorang dari kalian masuk ke dalam tandas untuk buang hajat, maka janganlah menghadap ke arah kiblat dan janganlah membelakanginya. Hendaklah ia menghadap ke arah timurnya atau baratnya."

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Tidak menghadap Kiblat ketika buang air besar atau kecil kecuali dalam bangunan atau di sebalik dinding. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini menceritakan bahawa Nabi s.a.w. melarang menghadap atau membelakangi Kiblat ketika buang air sebaliknya haruslah menghadap ke timur atau ke barat. Maka, timbul persoalan bagaimana pula tindakan yang harus dilakukan oleh umat Islam yang arah kiblatnya adalah timur atau barat?. Pengkaji berpandangan bahawa hadis ini ditujukan kepada penduduk yang mana arah kiblatnya adalah timur atau barat. Pendapat ini dipersetujui oleh Muhammad Asri (2005) bahkan beliau memetik pendapat al-Khattabi dan al-Mubarakfuri berpendapat perintah menghadap ke timur atau barat ini adalah khusus untuk penduduk Madinah dan kawasan yang seumpama mereka. Kesimpulannya, tanpa merujuk kepada Dimensi Tempat adalah sukar untuk memahami lebih-lebih lagi untuk mengamalkan hadis seumpama ini.

- 4.8 Hadis 8 : Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Muhammad bin As-Sakkan telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Jahdham telah menceritakan kepada kami Isma'il bin Ja'far dari 'Umar bin Nafi' dari bapanya dari 'Abdullah bin 'Umar radhiallahu'anhu berkata, "Rasulullah ﷺ mewajibkan zakat fitrah satu sha' dari kurma atau sha' dari gandum bagi setiap hamba sahaya (budak) maupun yang merdeka, laki-laki maupun perempuan, kecil maupun besar dari kaum muslimin. Dan beliau memerintahkan agar menunaikannya sebelum orang-orang berangkat untuk solat ('al-Ied) ".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Kewajipan Zakat Fitrah. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini pada asasnya menceritakan bahawa Nabi s.a.w. mewajibkan zakat fitrah sebanyak secupak daripada gandum atau kurma. Maka, timbul persoalan daripada mana asasnya amalan masyarakat moden membayar zakat fitrah menggunakan wang atau tradisi masyarakat Melayu berzakat menggunakan beras?. Berkaitan ini, Muhammad Asri berpendapat pelaksanaan zakat fitrah adalah melalui makanan asasi sesuatu kawasan atau wilayah. Bahkan ketika menghuraikan hadis ini beliau mengatakan bahawa tidak diterima zakat penduduk Malaysia melainkan dengan beras kerana itulah makanan asasi mereka (Muhamad Asri, 2005). Pendapat ini bersesuaian dengan amalan para sahabat sebagaimana

kata-kata Abu Sa'id al-Khudri r.a. "*Kami mengeluarkan zakat fitri satu sha' dari makanan atau satu sha' dari gandum atau satu sha' dari kurma atau satu sha' dari keju (mentega) atau satu sha' dari kismis (anggur kering)*. [al-Bukhari : Bab Zakat Fitrah dengan satu sha' makanan]. Kesimpulannya, tanpa merujuk kepada Dimensi Tempat adalah sukar untuk memahami lebih-lebih lagi untuk mengamalkan hadis seumpama ini.

- 4.9 Hadis 9 : “Telah bercerita kepada kami Musaddad dari Yahya dari 'Ubaidullah berkata, telah bercerita kepadaku Nafi' dari Ibnu 'Umar radhiallahu'anhuma dari Nabi ﷺ bersabda, "Penyakit panas (demam) berasal dari didihan api jahanam maka redakanlah dengan air".

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Sifat Neraka dan sesungguhnya ia adalah makhluk. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini pada asasnya menceritakan bahawa Nabi s.a.w. menegaskan bahawa rawatan demam adalah dengan menggunakan air kerana kepanasannya. Dalam memahami hadis ini, ada dua persoalan yang timbul, satu, adakah semua demam berkaitan dengan cuaca yang panas dan kedua, adakah semua jenis demam boleh dirawat menggunakan air yang menyejukkan?. Berkaitan ini, Muhammad Asri berpendapat bahawa sabda Nabi s.a.w. ini adalah satu gesaan yang ditujukan khas kepada penduduk Hijaz yang terdedah kepada cuaca panas matahari yang mana rawatan yang berkesan untuk demam dan kepanasannya ialah menggunakan air. Beliau dengan tegas juga menyatakan bahawa penggunaan air bukanlah rawatan kepada semua penyakit demam bahkan sangat memudaratkan (Muhammad Asri, 2005). Kesimpulannya, tanpa merujuk kepada Dimensi Tempat adalah sukar untuk memahami lebih-lebih lagi untuk mengamalkan hadis seumpama ini.

- 4.10 Hadis 10 : “Telah menceritakan kepadaku Zuhair bin Harb telah menceritakan kepada kami Isma'il bin Ibrahim telah mengkhabarkan kepada kami al-Hajjaj bin Abu Uthman telah menceritakan kepadaku Yahya bin Abu Kathir bahawa Abu Kathir telah menceritakan kepadanya dari Abu Hurairah dia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda : "Khamr itu boleh terbuat dari dua macam pohon ini ; kurma dan anggur."

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam bab : Penjelasan bahawa semua perahan yang dibuat daripada anggur dan kurma disebut sebagai arak. Hadis ini berstatus Sahih. Hadis ini pada asasnya menceritakan bahawa Nabi s.a.w. menegaskan bahawa arak terhasil daripada dua jenis buah iaitu kurma dan anggur. Dalam memahami hadis ini, ada dua persoalan yang timbul, satu, adakah arak tidak boleh dihasilkan daripada buah yang lain dan kedua, adakah perahan buahan selain anggur atau kurma tidak dikira sebagai arak?. Berkaitan persoalan ini, menurut Muhammad Asri (Muhammad asri, 2005) hadis ini tidaklah menunjukkan bahawa Arak hanya boleh dihasilkan melalui perahan anggur dan kurma sahaja tetapi ianya ditujukan khusus kepada penduduk Madinah yang sememangnya menjadikan anggur dan kurma sebagai minuman. Kesimpulannya, tanpa merujuk kepada Dimensi Tempat maka akan berlakulah salah faham tentang makna dan jenis-jenis Arak sebagai minuman yang diharamkan oleh Islam.

- 4.11 Hadis 11 : Telah bercerita kepada kami Adam telah bercerita kepada kami Syu'bah berkata ; Dan diriwayatkan pula, telah bercerita kepada kami 'Amru telah mengkhabarkan kepada kami Syu'bah dari 'Amru bin Murrah dari Murrah dari Abu Musa al-Asy'ariy radhiallahu'anhu berkata ; Rasulullah ﷺ bersabda, "Manusia yang sempurna dari kalangan laki-laki sekian banyak, namun tidak ada manusia sempurna dari kalangan wanita melainkan Maryam binti 'Imran, Asiyah isteri Fir'aun. Dan keutamaan 'Aisyah terhadap wanita-wanita lain bagaikan keutamaan makanan *al-Tharid* dibandingkan seluruh makanan lain". (*al-Tharid* adalah sejenis makanan yang terbuat dari daging dan roti yang dibuat bubur dan berkuah).

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : Keutamaan 'Aisyah. Hadis ini berstatus Sahih. Didalam hadis ini Nabi s.a.w. menceritakan bahawa terdapat tiga orang wanita yang sempurna iaitu Maryam a.s., Asiah a.s. dan 'Aisyah r.a.. Berkaitan 'Aisyah Nabi s.a.w. memuji dan mengumpamakan kedudukan dan keutamaan beliau dengan sejenis makanan terunggul di tanah Arab pada zaman itu iaitu *al-Tharid*. Jika melihat kepada zahir hadis, nescaya pembaca tidak akan dapat memahami perumpamaan ini melainkan dengan merujuk kepada realiti kedudukan makanan bernama *al-Tharid* itu sendiri disisi orang arab pada zaman Nabi s.a.w.. Menurut Muhammad Asri (2005) perumpamaan ini boleh difahami apabila *al-Tharid* itu sendiri digelar sebagai penghulu segala makanan dan sebaik-baik makanan orang arab bahkan beliau turut memetik pandangan Mullah ali al-Qari yang mengatakan bahawa *al-Tharid* itu sendiri sifatnya adalah makanan seimbang, mudah dimakan, sedap dan mengenyangkan. Kesimpulannya, tanpa merujuk kepada Dimensi Tempat maka hadis ini tidak dapat difahami dengan baik.

- 4.12 Hadis 12 : “Telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Maslamah bin Qa'nabi, telah menceritakan kepada kami Ya'qub bin Muhammad bin Thahlaa' dari Abu Rijal Muhammad bin Abdurrahman dari Ibunya dari 'Aisyah dia berkata ; Rasulullah ﷺ bersabda, "Wahai 'Aisyah! Rumah yang di dalamnya tidak ada kurma, maka penghuninya akan lapar, Wahai 'Aisyah! Rumah yang di dalamnya tidak ada kurma, maka penghuninya akan lapar." Beliau mengucapkannya sebanyak dua atau tiga kali.

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam bab : Menyimpan Kurma dan Makanan Asas Lainnya untuk Keluarga. Hadis ini berstatus Sahih. Didalam hadis ini Nabi s.a.w. menegaskan bahawa rumah yang tidak tersedia di dalam rumahnya kurma akan berlaku kelaparan. Dimensi masa dan tempat di dalam hadis ini boleh dikesan apabila Nabi s.a.w. menyebut makanan yang boleh mengenyangkan ialah kurma bukan selainnya sesuai dengan keadaan zaman dan tempat iaitu penduduk Madinah. Ini sesuai dengan pengetahuan umum bahawa makanan asasi penduduk Madinah zaman itu ialah Kurma. Berkaitan hadis ini, Muhammad Asri menegaskan bahawa ia ditujukan kepada penduduk Madinah bahkan beliau turut menukilkan pendapat tokoh lain untuk menguatkan pendapat ini (Muhammad Asri, 2005). Kesimpulannya, dengan merujuk kepada Dimensi Tempat dan Dimensi Masa maka hadis ini dapat difahami dengan baik iaitu semua manusia akan kelaparan jika tidak memiliki makanan asasi, bahkan ia memudahkan untuk mengamalkan hadis ini dengan berkesan.

Seumpamanya, masyarakat Malaysia akan kelaparan jika tidak memiliki beras atau nasi.

- 4.13 Hadis 13 : Telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Muhammad Al Musnadi dia berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Rauh al-Harami bin Umarah berkata, telah menceritakan kepada kami Syu'bah dari Waqid bin Muhammad berkata ; aku mendengar bapaku menceritakan dari Ibnu Umar, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka bersaksi ; tidak ada ilah kecuali Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad adalah utusan Allah, menegakkan solat, menunaikan zakat. Jika mereka lakukan yang demikian maka mereka telah memelihara darah dan harta mereka dariku kecuali dengan haq Islam dan perhitungan mereka ada pada Allah"

Analisis hadis :

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab : *Maka jika mereka bertaubat, menegakkan solat dan membayar zakat, maka berilah kepada mereka kebebasan untuk berjalan.* Hadis ini berstatus Sahih. Didalam hadis ini yang mana isi utamanya ialah Nabi s.a.w. menegaskan bahawa baginda diperintahkan oleh Allah untuk memerangi manusia sehinggalah mereka mengucapkan dua kalimat syahadah, solat, membayar zakat. Jika melihat kepada zahir hadis, nescaya pembaca boleh menyimpulkan bahawa memaksa orang kafir untuk memeluk Islam adalah dibolehkan. Jika begitu, timbul persoalan adakah hadis ini bertentangan pula dengan seruan al-Quran yang bermaksud "Tiada paksaan dalam agama" (al-Quran, 3 : 256) bahkan umat seluruhnya menyakini bahawa Islam menjaga konsep kebebasan beragama. Berkaitan hadis ini, kefahaman yang benar dan tepat adalah dengan melihat zaman dan keadaan yang menyebabkan Nabi s.a.w. telah memberikan amanat yang sangat tegas ini. Menurut Faisal Ahmad Shah hadis seumpama ini perlu difahami secara kontekstual iaitu dengan melihat *asbab wurud al-Hadith* (Faisal, 2011). Menurut riwayat tambahan, perkara ini berlaku ketika peristiwa pengepungan Khaibar oleh Nabi s.a.w.(HR al-Hakim). Manakala dalam riwayat yang lain, ketika Nabi s.a.w. ditanya bolehkah orang Yahudi Khaibar dibunuh, lalu Baginda s.a.w. menegaskan bahawa " *Laksanakanlah dengan tenang hingga kamu singgah pada tempat tinggal mereka, lalu ajaklah mereka menerima Islam dan kabarkan kepada mereka apa yang menjadi kewajiban mereka dari hak-hak Allah. Sungguh seandainya Allah memberi hidayah kepada seseorang lewat perantaraan kamu, hal itu lebih baik buatmu daripada unta merah (harta yang paling baik)*" (HR al-Bukhari). Kesimpulannya, dengan merujuk kepada Dimensi Masa dan Dimensi Tempat berlakunya hadis ini maka hadis ini dapat difahami dengan benar iaitu memerangi manusia tidak dibenarkan selagi mereka tidak melanggar perjanjian atau khianat atau memulakan terlebih dahulu peperangan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Yahudi Khaibar di dalam hadis ini.

5. Dapatan Kajian :

Setelah kajian dilakukan, pengkaji menemui beberapa dapatan iaitu :

1. Berkaitan dengan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat, ada empat dapatan utama iaitu :
 - i. Dimensi Masa dan Dimensi Tempat adalah dua daripada empat dimensi yang mempengaruhi *Sabab wurud al-Hadith*.

- ii. Dimensi Masa melibatkan peristiwa semasa zaman kenabian, keadaan manusia dan persekitaran yang wujud sepanjang waktu kenabian, manakala Dimensi Tempat melibatkan suasana tanah arab dan keadaan mereka meliputi persekitaran, iklim, adat, ikutan sepanjang waktu kenabian.
 - iii. Ada enam cara untuk mengetahui keberadaan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat di dalam sesuatu hadis, iaitu pertanyaan Sahabat r.a.hum, realiti atau peristiwa yang berlaku semasa zaman Nabi s.a.w., tindak balas terhadap peristiwa yang berlaku, tabiat dan sifat kemanusiaan Nabi s.a.w., perbuatan spontan Nabi s.a.w. semasa berlaku sesuatu peristiwa dan penerangan Nabi s.a.w. bila turunnya al-Quran.
 - iv. Nama lain bagi kajian tentang Dimensi Masa dan Dimensi Tempat dalam pengajian hadis ialah kajian *Sabab al-Wurud al-'Ammah*.
2. Berkaitan jenis-jenis hadis yang terkesan dan tidak terkesan dengan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat, ada empat dapatan utama iaitu :
- i. Hadis *al-Thawabit* adalah hadis yang tidak terkesan dan tidak berubah cara perlaksanaannya sekalipun telah berubah zaman dan tempat.
 - ii. Hadis *al-Mutaghayyirat* iaitu hadis yang terkesan dan mungkin boleh berubah cara perlaksanaannya dengan berubahnya masa dan tempat.
 - iii. Enam perkara yang tidak akan berubah dengan perubahan masa dan tempat iaitu pertama, teras akidah, kedua teras Ibadah, ketiga asas-asas umum perundangan Islam, keempat konsep umum akhlak dan jati diri, kelima sunnatullah, keenam, ketetapan khas untuk Nabi s.a.w..
 - iv. Perubahan amalan dan kefahaman hadis dipengaruhi perubahan illah dan sebab meliputi *al-Rukhsah* (keringanan dan pengecualian), darurat, maslahat semasa dan kepentingan umum, al-'Urf (adat masyarakat) dan apa-apa yang berlaku pada zaman Nabi s.a.w..
3. Berkaitan analisis hadis-hadis kajian, ada 2 dapatan utama iaitu :
- i. Ada 3 bentuk gambaran kewujudan Dimensi Masa atau Dimensi Tempat iaitu pertama, Penerangan daripada Nabi s.a.w. berkaitan al-Quran (Hadis no. 1), kedua, tindak balas Nabi s.a.w. ekoran peristiwa yang berlaku (Hadis no. 2,4,5,6,13) dan ketiga, Sabdaan Nabi sesuai dengan realiti semasa zaman dan tempat (Hadis no. 3,7,8,9,10,11,12).
 - ii. Secara umum, semua hadis kajian dipengaruhi oleh Dimensi Masa atau Dimensi Tempat atau kedua-duanya secara serentak. Manakala secara terperinci ada 6 hadis iaitu hadis no. 1,2,3,4,6,13 dipengaruhi oleh Dimensi Masa manakala 7 hadis pula dipengaruhi oleh Dimensi Tempat iaitu hadis no. 5,7,8,9,10,11,12.

6. Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini sebagaimana kajian lain berkaitan *sabab wurud al-Hadith* dapat membantu untuk memahami hadis-hadis Nabi s.a.w.. Begitu juga, kajian berkaitan Dimensi Masa dan Dimensi Tempat adalah alat yang tepat untuk menjadikan kefahaman hadis lebih baik. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin menyarankan beberapa cadangan, iaitu:

1. Kajian seumpama ini yang membicarakan semua Dimensi iaitu Dimensi Masa, Tempat, al-Mukhatibi dan al-Mukhatabi yang mempengaruhi hadis perlu diterus dan dikembangkan

- melangkaui skop dan bidang yang lain.
2. Semua pihak wajib merujuk kepada semua hadis yang saling berkait bukan hanya merujuk sebahagian atau secara berasingan untuk mendapatkan kefahaman yang benar dan tepat berkaitan sesuatu hadis.
 3. Mengambil kira Dimensi Masa atau Dimensi Tempat atau kedua-duanya adalah cara yang terbaik ketika berinteraksi dengan sesuatu hadis supaya makna menjadi lebih tepat dan jelas.

7. Rujukan

- Abu Dawud, Sulaiman ibn al-Asy'ath al-Sijistani. (2001). *Sunan Abi Dawud*. Bairut : Dar al-Fikr.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari*. al-Mansurah : Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Hakim, Muhammad ibn Abdullah. (2002). *Mustadrak ala al-Sahihain*. Bairut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Faisal Ahmad Shah & Jawiah Dakir. (2011). Pendekatan Tekstual Dalam Memahami Hadith Nabi s.a.w. : Satu Analisis. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah : Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*. 499-516.
- Faisal Ahmad Shah. (2011). Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-hadith Rasullullah s.a.w. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Jilid.4. 101-120.
- Hafiz Firdaus. (2002). *20 Hujah Golongan Anti Hadis Dan Jawapannya*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Ibn Majah, Abi 'Abdillah Muhammad ibn Yazid al-Qazwayni. (2001). *Sunan Ibn Majah*. Bairut : Dar al-Fikr.
- Lilie Channa. (2011). Memahami Makna Hadis Secara Tekstual Dan Kontekstual. *Journal Of Islamic Studies*. Jilid 17. 391-414.
- Muhammad Abu al-Layth. (2011). *'Ulum al-Hadith : Asiluha Wa Ma'asiruha*. Kuala Lumpur : Dar al-Syakir.
- Muhammad Asri. (2005). *Sabab Wurud al-Hadith : Dawabit Wa Ma'ayir*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Munawir Muin. (2013). Pemahaman Komprehensif Hadis Melalui Asbab al-Wurud. *Jurnal Addin*. Jilid 7. 291-306.
- Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj. (1993). *Sahih Muslim*. Bairut : Dar al-Fikr.